

Adalah di harap dengan adanya bengkel ini akan dapat memastikan para penyaring di lengkapkan dengan pengetahuan dan kemahiran yang komprehensif dan berkebolehan menjadi penyaring yang kompeten dan beretika dalam menjalankan tugas sebagai penyaring program saringan pendengaran anak damit khususnya di hospital RIPAS. Seramai 17 peserta bengkel terdiri daripada Jururawat, Pembantu Jururawat serta Bidan dari Jabatan Paediatric dan Jabatan Obstetrik dan Ginekologi, Hospital RIPAS telah mengikut bengkel berkenaan. Majlis Penyampian Sijil telah disempurnakan oleh Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Johan Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji Adanan bin Begawan Pehin SiRaja Khatib Dato Seri Setia Awang Haji Mohd Yusof, Menteri Kesihatan, Menteri Kesihatan pada 2 Mei 2015 di Pusat Perempuan dan Kanak-Kanak Hospital RIPAS.

Bengkel yang sama bagi sesi kedua telah di adakan pada 13 & 14 Jun 2015 di Pusat Latihan dan Perkembangan Kejururawatan (PLPK) manakala sesi ke tiga telah di adakan pada 19-20 Ogos 2015 bertempat di Pusat Perempuan dan Kanak-Kanak Hospital Raja Isteri Pengiran Anak Salaha (RIPAS).

## MAJLIS SAMBUTAN ISRA' MIKRAJ 1436 HIJRAH KEMENTERIAN KESIHATAN

Oleh: Eddrusse

**Isnin, 7 Sya'aban 1436 bersamaan 25hb Mei 2015** Kementerian Kesihatan telah mengadakan majlis Sambutan Isra' Mikraj 1436 Hijrah bertempat di Dewan Al-'Afiah Kementerian Kesihatan. Tema Sambutan Isra' Mikraj tahun 1436 Hijrah ialah 'Ilahi Selamatkan Brunei Darussalam'.



Majlis diungkayahkan bersama Jabatan Perkhidmatan Perkhidmatan Renal dan Jabatan Perkhidmatan Kejururawatan. Tetamu Kehormat pada majlis itu ialah Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Johan Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji Adanan bin Begawan Pehin SiRaja Khatib Dato Seri Setia Awang Haji Mohd Yusof, Menteri Kesihatan. Ceramah Ugama disampaikan oleh Penceramah Undangan

dari Pusat Dakwah Islamiah Yang Mulia Ustaz Haji Ismuadi bin Abdullah dengan tajuk ceramah 'Cabaran Kerja dan Bagaimana Menanganinya Menurut Prepektif Islam'. Acara dimeriahkan lagi dengan persembahan Tausyeh yang dipersembahkan oleh lepasan graduan-graduan Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA) dan Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan (KUPUSB) yang terlibat dalam program Khidmat Bantu Solat Pesakit (KBSP) di Hospital Raja Isteri Pengiran Anak Saleha (RIPAS).



## MAJLIS KHATAM AL-QURAN BAGI JURURAWAT-JURURAWAT PERKHIDMATAN KEJURURAWATAN KESIHATAN MASYARAKAT 1436/2015

Oleh: Hjh Norhalizawaty



**Sabtu, 24 Ramadhan 1436 bersamaan dengan 11 Julai 2015** Majlis Khatam Al-Quran bagi Jururawat-Jururawat di Perkhidmatan Kejururawatan Kesihatan Masyarakat telah pun diadakan bertempat di Dewan Al 'Afiah, Kementerian Kesihatan. Majlis tersebut bertujuan untuk menyokong hasrat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang DiPertuan Negara Brunei Darussalam kearah pembentukan Negara Brunei Darussalam sebagai sebuah Negara Zikir. Hadir selaku Tetamu Kehormat ialah Yang Mulia, Dr Hajah Maslina Binti Haji Mohsin, Pengarah Perkhidmatan Kesihatan, Kementerian Kesihatan.

Pada majlis tersebut, seramai 20 orang Jururawat dari Perkhidmatan Kejururawatan Kesihatan Masyarakat telah turut serta dalam sama-sama membaca surah-surah (Juzuk 30) yang di ketuai oleh Yang Mulia, Dayang Siti Noor Dzuhardah Binti Haji Awang Damit, Jururawat Kanan [Kesihatan Masyarakat].

Pada majlis tersebut bacaan Tahtim/ Asma ul Husna telah dibacakan oleh Kumpulan Nuur 'Innayah yang dijemput dari unit keugamaan Hospital RIPAS. Selepas dizir marhaban, acara menabur bunga rampai dilakukan oleh Tetamu Kehormat dan di sudah dengan bacaan doa kesyukuran yang telah dibacakan oleh Yang Mulia, Ustaz Haji Idris bin Haji Abd Rashid.

### AL-FATIHAH

- Allayrahmah Dyg Noridah binti Hj Jali (Bidan), Perkhidmatan Istana
- Allayrahmah Dyg Noraidah binti Wahid (Jururawat), Klinik O&G RIPAS
- Allayrahmah DK Rosni binti Pg Hj Rosli (Pegawai Jururawat), Bilik Bedah RIPAS

### SALAM TAKZIAH

- Mendiang Dyg Yong Nyet Ngok (Pembantu Jururawat Tingkat Khas), Wad 19 RIPAS

### BAHAGIAN PERHUBUNGAN AWAM

Sebarang Maklumat/Rencana/Berita/Cerita-cerita menarik mengenai Aktiviti Kejururawatan yang ingin dikongsikan kedalam Utusan Jururawat.

Hantarkan ke Email:  
[bruneijururawatutusan@gmail.com](mailto:bruneijururawatutusan@gmail.com)

Sukacita segala yang awda kongsikan bersama amatlah dihargai.



## KANDUNGAN

- Program Pemindahan Buah Pinggang di Negara Brunei Darussalam.
- Sukan Muhibbah Kesihatan Borneo 2015.
- Bengkel 'Health Care Quality'
- Pelancaran Lencana Lembaga Jururawat Bagi Brunei.
- Jerayawara Lembaga Jururawat Bagi Brunei: Akta Pendaftaran Jururawat (Penggal 140)
- Lembaga Jururawat Bagi Brunei - Asean Joint Coordinating Committee On Nursing (AJCCN).
- Majlis Sembahyang Maghrib dan Isyak Berjemaah, Membaca Surah Yassin, Tahil Dan Doa Khusus Sempena Hari Jururawat Antarabanga 2015.
- Malam Penghargaan Sempena Sambutan Hari Jururawat Antarabanga 2015.
- Muzakarah Yang Berhormat Menteri Kesihatan bersama Pegawai - Pegawai Jururawat Yang Dinaikkan Pangkat.
- Cabaran Penjagaan Dan Perawatan Pesakit Dalam Persekutuan Teknologi.
- Joyful Kids Montessori*
- Taklimat Kesihatan Mulut Dan Penjagaan Gigi.
- Lawatan Promosi Kesihatan Mulut Ke Tikerbell.
- Bengkel Penggunaan BruHims Bagi Pelajar - Pelajar Institut Sains Kesihatan PAPRSB (Institute Health Science), UBD.
- International Short Course Training In Medical Rehabilitation for Health Care Professional ASEAN Community.*
- Bengkel Latihan Program Saringan Pendegaran Anak Damit.
- Majlis Sambutan Isra' Mikraj 1436Hijrah Kementerian Kesihatan.
- Majlis Khatam Al-Quran Bagi Jururawat-Jururawat Perkhidmatan Kejururawatan Kesihatan Masyarakat 1436/2015.

## PROGRAM PEMINDAHAN BUAH PINGGANG DI NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

Oleh: Dalinatal Sisilia

Negara Brunei Darussalam Kementerian Kesihatan melalui Jabatan Perkhidmatan Renal telah menempa sejarah dengan perlaksanaan pembedahan pemindahan buah pinggang yang pertama di Negara ini pada 21hb November 2013 di Hospital Raja Isteri Pengiran Anak Hajah Saleha (RIPAS). Pada tahun 2014, sekali lagi Jabatan Perkhidmatan Renal telah berjaya melaksanakan program pemindahan buah pinggang bagi kali kedua iaitu pada 16hb Oktober 2014. Seterusnya, pada 13 Ogos 2015 Jabatan Perkhidmatan Renal telah jayanya melaksanakan program pemindahan buah pinggang bagi kali yang ketiga.



Perlaksanaan program pemindahan buah pinggang di Negara Brunei Darussalam ini adalah melambangkan satu perkembangan baru dalam perkhidmatan perubatan dan kesihatan di Kementerian Kesihatan dan ini menunjukkan peningkatan kepakaran dan kemahiran pakar perubatan dan kejururawat untuk melaksanakan prosedure ini dengan gabungan seorang pakar pembedahan dari Australia, seorang pakar Nefrologi dari Malaysia dan tiga orang jururawat dari Malaysia. Di samping itu beberapa orang doktor dan jururawat tempatan telah dihantar untuk menjalani kursus dan penempatan di Hospital dan Pusat-Pusat Pemindahan Buah Pinggang di Singapura dan Malaysia meliputi pelbagai kemahiran perubatan khususnya dalam bidang pemindahan buah pinggang. Manakala seorang jururawat telah di hantar untuk menjalani kursus diseberang laut khusus dalam bidang transplant di United Kingdom sebagai perancangan strategik Jabatan Perkhidmatan ini melibatkan program pembangunan kapasiti professional .

Berkursus dan Penempatan bagi Kakitangan Kejururawatan Jabatan Renal;

- Dalinatal Sisilia binti Haji Ahmed, Pegawai Jururawat; - Berkursus, University of Surrey Newcastle UK; 2013—2015 (3 Tahun).
- Nur Majidah binti Abdullah Lau, Pegawai Jururawat; - Penempatan 'Renal Transplant Program', National University Hospital (NUH) Singapore; 3 - 14 Dis 2012 (12 Hari).
- Mardiana binti Hj Kamis, Jururawat; - Penempatan 'Renal Transplant Coordinator', National University Hospital (NUH), Singapore; 18 Jul - 4 Ogos 2011 (19 Hari).
- Hasuana binti Awg Hassim, Jururawat; - Penempatan Klinikal, Prince Court Medical Centre (PCMC) Malaysia; 12 - 18 Dis 2011 (5 Hari).
- Hjh Hirnahwati binti Hj Md Tahir, Jururawat; - Penempatan Klinikal, Prince Court Medical Centre (PCMC) Malaysia; 19– 26 Jun 2012 (7 Hari).
- Md Sharinol bin Muhd Jon, Jururawat; - Penempatan Klinikal, Prince Court Medical Centre (PCMC) Malaysia; 19– 26 Jun 2012 (7 Hari).

## SUKAN MUHIBBAH KESIHATAN BORNEO 2015

Oleh: Eddrusse



**Sabtu, 7 Jamadilakhir 1436 bersamaan 28 Mac 2015** Pembukaan resmi Sukan Muhibbah Kesihatan Borneo 2015 bertempat di Stadium Tertutup Hasanal Bolkiah. Kementerian Kesihatan Negara Brunei Darussalam telah menjadi tuan rumah bagi Sukan Muhibbah Kesihatan Borneo 2015. Majlis pembukaan resmi dan penutup telah di kendalikan oleh Jabatan Perkhidmatan Kejururawatan dan Tetamu Kehormat pada Majlis Pembukaan Yang Mulia Datin Paduka Dr Hajah Norlila binti Dato Paduka Haji Abd Jalil, Setiausaha Tetap Kementerian Kesihatan. Enam Negeri Kepulauan Borneo telah menghantar peserta-peserta antaranya dari Kalimantan Utara, Kalimantan Timur, Kalimantan Barat, Sabah, Serawak dan Negara Brunei Darussalam. Beberapa orang kakitangan kejururawatan adalah antara peserta-peserta yang mewakili Kementerian Kesihatan Negara Brunei Darussalam turut serta dalam berbagai-acara yang dipertandingkan. Majlis seumpama ini diharapkan dapat mengetengahkan bakat-bakat sukan yang ada pada kakitangan Kementerian Kesihatan, membudayakan gaya hidup sihat serta mengeratkan lagi silaturahim diantara warga Kementerian Kesihatan Negeri-Negeri kepulauan Borneo. Majlis berakhir pada Hari Ahad, **8 Jamadilakhir 1436 bersamaan 29 Mac 2015** dimana Negara Brunei Darussalam telah menujuai Sukan Muhibbah Kesihatan Borneo 2015. Majlis Penutup Sukan Muhibbah Kesihatan Borneo 2015 diraikan di Dewan Al-'Afiah Kementerian Kesihatan dan Tetamu Kehormat pada majlis itu Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Johan Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji Adanan bin Begawan Pehin SiRaja Khatib Dato Seri Setia Awang Haji Mohammad Yusof, Menteri Kesihatan.



## BENGKEL 'HEALTH CARE QUALITY'

Oleh: Hjh Norhalizawaty

**Rabu, 10 Jamadilakhir 1436 bersamaan 29 April 2015** Bengkel 'Health Care Quality' telah berjaya diungkayahkan oleh Jabatan Perkhidmatan Kesihatan melalui Unit Kualiti Dasar, Penyelidikan dan Perkembangan. Bengkel selama 2 hari yang bermula pada 29 hingga 30 April 2015. Bengkel bertujuan untuk meningkatkan pengetahuan semua peringkat pengamal kesihatan mengenai peningkatan kualiti (*Quality Improvement*) dan juga keselamatan pesakit (*Patient Safety*) dalam memberikan perkhidmatan penjagaan kesihatan yang berkualiti tinggi.

Seramai tiga orang Pakar Kualiti dari 'HealthCare Quality Society of Singapore' telah dijemput bagi menjayakan bengkel tersebut. Manakala, seramai 50 orang peserta yang



terdiri daripada Pegawai-Pegawai Perubatan, Jururawat-Jururawat, Pengamal-Pengamal Perubatan bersekutu, Pentadbir-Pentadbir Hospital dan Pusat-Pusat Kesihatan, Pegawai-Pegawai Kualiti termasuk wakil dari klinik swasta, Pusat Kesihatan Penaga, Pusat Perubatan Jerudong Park dan Angkatan Bersenjata Brunei telah mengikuti bengkel tersebut.

Majlis Penyampaian Sijil bagi Bengkel 'Health Care Quality' telah dilaksanakan oleh Yang Mulia Datin Paduka Dr Hjh Norlila Binti Dato Paduka Hj Abdul Jalil, Setiausaha Tetap, Kementerian Kesihatan di Dewan Al-Afiah pada 30 April 2015.

Muka surat 2

e-mail: bruneijururawatutusan@gmail.com

## BENGKEL PENGUNAAN BRUHIMS BAGI PELAJAR-PELAJAR INSTITUT SAINS KESIHATAN PAPRSB (INSTITUTE HEALTH SCIENCE), UBD

Oleh: Eddrusse



**Isnin, 12 Rabiulakhir 1436 bersamaan 2 Februari 2015** Pusat Latihan dan Perkembangan Kejururawatan (PLPK) telah mengadakan bengkel penggunaan Bruhims yang bermula pada 2hb Februari dan berakhir 14hb Februari 2015. Objektif bengkel bertujuan untuk memperkenalkan System Bruhims dan cara penggunaannya kepada pelajar-pelajar yang terdiri daripada tahun akhir Pelajar Diploma of Health Science (*Nursing & Midwifery*) Cohort 4 (Sesi 2012-2015). Seramai 41 orang pelajar mengikuti kursus berkenaan yang dijalankan selama 5 hari dan dibahagikan kepada 2 kumpulan. Pegawai pengurus terdiri daripada Jururawat-jururawat terpilih dan telah menjalani latihan sebagai *Trainers* dalam bengkel BruHims yang dikendalikan oleh pihak Ishajaya.



## INTERNATIONAL SHORT COURSE TRAINING IN MEDICAL REHABILITATION FOR HEALTH CARE PROFESSIONAL ASEAN COMMUNITY

Oleh: Suryati Kalman

Dua orang jururawat iaitu Siti Nurul Janah Amalina Bte Muliani Hayat dari Unit Perubatan Rehabilitasi dan Dk Marjidah Bte Pg Hj Morni daripada Perubatan Dalaman, ward 19, Hospital Raja Isteri Pengiran Anak Saleha telah dipilih untuk mengikuti kursus *International Short Course Training in Medical Rehabilitation for Health Care Professional ASEAN Community* di Sirindhorn National Medical Rehabilitation Centre Bangkok, Thailand pada 8 Jun hingga 3 Julai 2015. Tujuan kursus jangka pendek ini adalah untuk memberikan pendedahan kepada jururawat mengenai tatacara penjagaan pesakit yang memerlukan penjagaan rehabilitasi seperti penjagaan "bowel, bladder and pressure sore" dan juga tunjuk ajar kepada jururawat mengenai keseluruhan penjagaan yang banyak menyentuh tentang penggunaan alat bantu kepada pesakit dan cara-cara menangani permasalahan dari pesakit mahupun keluarga yang melalui rawatan rehabilitasi. Di penutup kursus tersebut, mereka telah diberikan sijil penyertaan kursus.



## BENGKEL LATIHAN PROGRAM SARINGAN PENDENGARAN ANAK DAMIT

Oleh: Juraini

Jabatan Otorhinolaryngologi, Hospital Raja Isteri Pengiran Anak Saleha (RIPAS) telah menganjurkan bengkel latihan Program Saringan Pendengaran Anak Damit untuk Peyaring pada 8-9 Februari 2015 bertempat di Pusat Perempuan Dan Kanak-Kanak Hospital RIPAS. Objektif bengkel tersebut antara lain adalah sebagai satu "platform" latihan bagi kakitangan yang dilantik untuk menjadi penyaring dalam program saringan pendengaran anak damit, memberi latihan tatacara peyaringan, menilai kecekapan peserta dalam menjalankan ujian saringan, memberi pengetahuan mengenai asas anatomi dan fisiologi pendengaran serta perkembangan pertuturan dan bahasa kanak-kanak. Pada hari pertama, peserta mengikuti beberapa sesi taklimat dan hari berikutnya, mereka diberikan tunjuk-ajar, tatacara penggunaan peralatan saringan serta pengendalian ketika ujian. Sesi taklimat di sampaikan oleh penceramah undangan dan penceramah-penceramah dari hospital RIPAS. Penceramah undangan, Miss Julie Castro merupakan seorang pengurus Kanak-kanak kawasan Northern and Eastern Cluster dari The Royal Children's Hospital, Melbourne, Australia. Beliau juga merupakan seorang penyelia yang bertanggungjawab untuk memberi pengawasan serta latihan kepada penyaring-penyaring. (*Sambungan muka surat 8*)



Muka surat 7

e-mail: bruneijururawatutusan@gmail.com

## CABARAN PENJAGAAN DAN PERAWATAN PESAKIT DALAM PERSEKITARAN TEKNOLOGI

Oleh: Hartini Manan



Penjagaan perawatan kritikal adalah bidang perawatan yang sangat kompleks dimana jururawat bukan hanya menjaga pesakit tenat tetapi juga perlu mempunyai pengetahuan dan kemahiran yang cukup untuk mengendalikan alat-alat mesin bantuan seperti Mesin Pernafasan, 'monitoring devices' dan Mesin Dialisis Buah Pinggang *renal dialysis*. Mesin-mesin yang berteknologi tinggi sangat penting bagi membantu dalam menyelamatkan nyawa dan menyokong kehidupan pesakit tenat yang dirawat. Walau bagaimanapun, untuk mencapai kemahiran dalam bidang teknologi yang semakin canggih adalah sangat mencabar dan memerlukan sokongan yang kuat untuk membantu jururawat perawatan kritikal menjadi pengguna yang berkamahiran.

Pada 15 Jun dan 3 Ogos tahun ini, kursus klinikal telah diadakan untuk jururawat perawatan kritikal dalam mengendalikan alat bantuan *renal dialysis*. Kursus yang bertajuk *Prismaflex CRRT user training* ini telah diadakan untuk 2 cohorts dan seramai 25 jururawat perawatan kritikal telah menghadiri kursus tersebut. Usaha kerjasama dengan Baxter healthcare (Asia) company telah mendatangkan seorang pakar dari Singapura untuk memberi ceramah dan menunjuk ajar kepada peserta kursus. Semasa kursus dijalankan perbincangan dan sesi soal-jawab juga diadakan mengenai penggunaan mesin tersebut dan kaedah *trouble-shooting alarms*. Semua peserta juga perlu membuat *hands on practical skills* dan lulus dalam ujian penilaian praktikal (*assessment skills*). Peserta kursus ini akan menjadi *focal person* dan menunjuk ajar jururawat perawatan kritikal yang lain dan akan di pilih untuk menyertai kursus atau program di dalam dan luar negara .



## JOYFUL KIDS MONTESSORI

Oleh: Hjh Laminah



**Selasa, 27 Rabiulakhir 1436 bersamaan 17 Februari 2015** Rombongan daripada ahli-ahli Promosi Kesihatan Mulut yang diketuai oleh pegawai pergigian, Dr. Patricia bagi tujuan memberi taklimat kesihatan mulut keatas murid-murid Pra 1, 2 dan 3. Isi taklimat yang disampaikan adalah kepentingan penjagaan gigi diperingkat awal dan aktiviti pemberusan gigi juga dilaksanakan keatas murid-murid Pra 1, 2 dan 3 selesai sahaja waktu rehat yang mana aktiviti pemberusan ini juga melibatkan guru-guru sekolah tersebut.



## TAKLIMAT KESIHATAN MULUT DAN PENJAGAAN GIGI

Oleh: Hjh Laminah

**Khamis, 7 Jamadilawal 1436 bersamaan 26 Februari 2015** Kumpulan K9 telah pun diarahkan untuk memberi ceramah keatas guru-guru Sekolah Rendah Dato Ahmad mengenai dengan kepentingan kesihatan mulut, cara penjagaan dan tatacara pemberusan gigi yang betul. Taklimat ini mendapat sambutan yang positif yang mana pihak guru-guru ada kesedaran betapa pentingnya penjagaan gigi diperingkat awal.



## LAWATAN PROMOSI KESIHATAN MULUT KE TIKERBELL

Oleh: Hjh Laminah

**Selasa, 12 Jamadilawal 1436 bersamaan 3 March 2015** Rombongan daripada ahli-ahli Promosi Kesihatan Mulut yang diketuai oleh pegawai pergigian, Dr. Patriacia bagi tujuan memberi taklimat kesihatan mulut keatas murid-murid Pra 1, 2 dan 3. Isi taklimat yang disampaikan adalah kepentingan penjagaan gigi diperingkat awal, dimana murid-murid Pra menunjukkan sifat positif. Pemeriksaan gigi dijalankan keatas murid-murid setelah selesai mendengar talklimat dan aktiviti pemberusan gigi juga dilaksanakan keatas murid-murid Pra 1, 2 dan 3 selesai sahaja waktu rehat yang mana aktiviti pemberusan ini juga melibatkan guru-guru sekolah tersebut. Sepanjang lawatan kami disekolah tersebut, guru-guru banyak juga memberi bantuan dari segi pentadbiran.



## PELANCARAN LENCANA LEMBAGA JURURAWAT BAGI BRUNEI

Oleh: Hjh Norzihan

**Selasa, 23 Rejab 1436 bersamaan 12 Mei 2015**, lencana Lembaga Jururawat bagi Brunei telah pun sempurna dilancarkan oleh Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Johan Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji Adanan Bin Begawan Pehin Siraja Khatib Dato Seri Setia Awang Haji Mohd Yusof, Menteri Kesihatan yang diadakan pada Majlis Malam Penghargaan Kejururawatan sempena Hari Jururawat Antarabangsa 2015. Peraturan-Peraturan Pendaftaran Jururawat, 2014 telah memperuntukan bahawa lencana ini akan dikeluarkan kepada setiap jururawat yang berdaftar dengan Lembaga Jururawat setelah menjelaskan pembayaran yang berkaitan. Di belakang setiap lencana akan tertera nombor peribadi jururawat yang berdaftar.



## JERAYAWARA LEMBAGA JURURAWAT BAGI BRUNEI: AKTA PENDAFTARAN JURURAWAT (PENGGAL 140)

Oleh: Hjh Norzihan



Lembaga Jururawat bagi Brunei atau *Nursing Board for Brunei* (NBB) telah mengadakan jerayawara yang berbentuk sesi taklimat, mengenai Perintah Akta Pendaftaran Jururawat (Pindaan), 2014 & Peraturan-Peraturan Pendaftaran Jururawat, 2014 di bawah peruntukan Akta Pendaftaran Jururawat, Penggal 140, Undang-Undang Negara Brunei Darussalam. Taklimat ini disasarkan kepada semua peringkat jururawat yang berkhidmat dengan sektor kerajaan (Kementerian Kesihatan dan kementerian-kementerian yang lain) dan sektor swasta. Ianya dilaksanakan secara berperingkat-peringkat bermula 7hb Mac 2015 yang lalu sehingga kini yang diadakan di kesemua daerah. Taklimat ini masih diteruskan dari masa kesmasa mengikut keperluan. Setakat ini hampir 400 orang jururawat

(tempatan dan asing) telah menghadiri taklimat ini yang disampaikan oleh Pegawai Jururawat Hjh Norzihan Hj Ibrahim, selaku Ketua Sekretariat Lembaga Jururawat bagi Brunei.

Objektif taklimat ini adalah bertujuan untuk:

1. Mengenalkan fungsi-fungsi Lembaga Jururawat bagi Brunei sebagai sebuah *Nursing Regulatory Authority* di Negara Brunei Darussalam, dalam mengawal selia atau *regulate* hal ehwal pendaftaran jururawat (sektor kerajaan & swasta) menurut undang-undang negara.
2. Meneroka pelbagai jenis dokumen berkanun atau *statutory documents* dalam bidang kejururawatan dan perbidanan yang terdapat di Negara Brunei Darussalam.
3. Meningkatkan kesedaran dan pengetahuan mengenai hal ehwal pendaftaran jururawat yang perlu di ketahui oleh setiap jururawat menurut Akta Pendaftaran Jururawat, Penggal 140, Undang-Undang Negara Brunei Darussalam serta peraturan-peraturan di bawahnya.
4. Memberi kefahaman tentang pentingnya untuk mematuhi keperluan undang-undang dan garispandu-garis pandu yang telah ditetapkan oleh Undang-Undang Negara Brunei Darussalam dan Lembaga Jururawat bagi Brunei.

Taklimat ini juga memfokuskan mengenai pengeluaran Sijil Pendaftaran, Sijil Menjalankan Amalan Kejururawatan dan Lencana Lembaga Jururawat yang bakal dilaksanakan sedikit masa lagi berserta dengan pembayaran yang akan dikenakan menurut Peraturan-Peraturan Pendaftaran Jururawat, 2014 apabila perkara ini berkuatkuasa sepenuhnya. Sila layari laman sesawang *Nursing Board for Brunei* di [www.moh.gov.bn](http://www.moh.gov.bn) untuk maklumat lebih lanjut.



## LEMBAGA JURURAWAT BAGI BRUNEI - ASEAN

### JOINT COORDINATING COMMITTEE ON NURSING (AJCCN)

Oleh: Hjh Norzhan

Pada **16 Rejab 1436 bersamaan 5 May 2015**, Hjh Siti Abibah binti Hj Abd Fattah, Pegawai Jururawat Tingkat Khas selaku Setiausaha Ahli Lembaga Jururawat telah menghadiri mesyuarat AJCCN ke-19 di Kuala Lumpur, Malaysia. Mesyuarat ini di hadiri oleh wakil-wakil *Nursing Regulatory Authority* atau Lembaga-Lembaga Jururawat 10 negara-negara ASEAN yang terdiri daripada Brunei Darussalam, Cambodia, Indonesia, Lao PDR, Malaysia, Myanmar, Philippines, Singapore, Thailand dan Vietnam. Antara perkara-perkara yang di bincangkan adalah mengenai dokumen ASEAN Mutual Recognition Arrangement (MRA) on Nursing Services, *Country Implementation and Comparison Matrices*, matlamat AJCCN 2015 dan penubuhan laman sesawang Negara-Negara ASEAN. Objektif MRA berkenaan adalah :-

- 1.1 facilitate mobility of nursing professionals within ASEAN;
- 1.2 exchange information and expertise on standards and qualifications;
- 1.3. promote adoption of best practices on professional nursing services; and
- 1.4 provide opportunities for capacity building and training of nurses.

Mesyuarat AJCCN ke-20 berkemungkinan akan berlangsung pada bulan September 2015 di Singapura.

### MAJLIS SEMBAHYANG MAGHRIB DAN ISYAK BERJEMAAH, MEMBACA SURAH YASSIN, TAHLIL DAN DOA KHUSUS SEMPENA SAMBUTAN HARI JURURAWAT ANTARABANGSA 2015

Oleh: Eddrusse



**Isnin, 22 Rejab 1436 bersamaan 11 Mei 2015** Majlis Sembahyang Maghrib dan Isyak berjemaah, Membaca Surah Yassin, Tahlil dan Doa Khusus Sempena Sambutan Hari Jururawat Antarabangsa 2015 berlangsung di Masjid Suri Seri Begawan Raja Pengiran Anak Damit, Kampong Madang. Tetamu Kehormat pada majlis itu Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Johan Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji Adanan bin Begawan Pehin SiRaja Khatib Dato



Seri Setia Awang Haji Mohd Yusof, Menteri Kesihatan dan Datin. Majlis diselajurkan dengan meraikan 3 orang saudara baru iaitu kakitangan kejururawatan yang baru memeluk Ugama Islam pada tahun ini Dyg Merilyn binti Maduan (Jururawat), Awg Ade Rosaire bin Abdullah Satur (Pembantu Jururawat) dan Dyg Nur Tasha binti Abdullah (Pembantu Jururawat). Tema Sambutan Hari Jururawat Antarabangsa 2015 '*Nurses: A Force for Change Care Effective, Cost Effective*'.

### MALAM PENGHARGAAN SEMPENA SAMBUTAN HARI JURURAWAT ANTARABANGSA 2015

Oleh: Eddrusse



**Selasa, 23 Rejab 1436 bersamaan 12 Mei 2015** Majlis Malam Penghargaan Sempena Sambutan Hari Jururawat Antarabangsa 2015. Majlis berlangsung di Dewan Al-'Afiah Kementerian Kesihatan dan Tetamu Kehormat pada malam itu Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Johan Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji Adanan bin Begawan Pehin SiRaja Khatib Dato Seri Setia Awang Haji Mohd Yusof, Menteri Kesihatan. Pada majlis itu Pelancaran Lencana Lembaga Jururawat telah disempurnakan oleh Tetamu Kehormat. Pada masa yang sama seramai 17 orang yang terdiri daripada Jururawat, Jururawat Pergigian dan bidan telah menerima Anugerah Penghargaan Jururawat Cemerlang bagi Tahun 2015 yang berupa Plak dan Sijil Penghargaan yang telah disampaikan oleh Yang Berhormat Menteri Kesihatan selaku Tetamu Kehormat. (*Sambungan muka surat 5*)



### Penerima-penerima Penghargaan Jururawat Cemerlang Tahun 2015

SN Awg Haji Md Shahrin bin Haji Awg Tarip	Pusat Perkembangan Dan Lanjutan Kejururawatan
SSN Dyg Hajah Enih Khairunisa binti Yusop	Unit Hematologi, Hospital RIPAS
SSN Awg Haji Rosli bin Haji Latip	Perkhidmatan Perubatan Dalaman, Hospital RIPAS
SN Dyg Hajah Nurul Aini binti Abdullah	Unit Rawatan Rapi Sargikal, Hospital RIPAS
SN Dyg Masni binti Awang Salim	Unit Kemalangan & Kecemasan, Hospital RIPAS
SN Dyg Hajah Roseni binti Apandi	Bilik Bersalin, Hospital RIPAS
SSN Dyg Hajah Norhani binti Hqaji Saidi	Pusat Kesihatan, Tutong
MW Dyg Hajah Hajijah binti Ahad	Klinik Kesihatan Ibu-Ibu dan Anak Damit Jubli Perak, Sengkurong
SN Dyg Inun binti Kahar	Klinik Kesihatan Ibu-Ibu dan Anak Damit Kg Mata-Mata, Gadong
SSN Awg Haji Mustapa bin Haji Awg Mahrof	Unit Rawata Rapi, Hospital SSB
SN Awg Haji Mohd Shahrol Azman bin Haji Mohd Yasin	Bilik Bedah, Hospital SSB
SN Dyg Ardyana binti Sahari	Klinik Ortopaedik, Hospital SSB
SN Awg Ong Chung Fei	Ward Pengasingan (PPK), Hospital PMMPMHAMB
SN Dyg Hajah Nafsiah binti Salleh	Bilik Bedah, Hospital PMMPMHAMB
SN Dyg Hajah Norjanah binti Haji Serudin	Wad Lelaki, Hospital PIHM
SSN Dyg Hasnani binti Abd Hadi	Unit Dialisis, Hospital RIPAS
SDN Dyg Julaini binti Haji Mohd Kamis	Pusat Pergigian Negara

### MUZAKARAH YANG BERHORMAT MENTERI KESIHATAN BERSAMA PEGAWAI-PEGAWAI JURURAWAT YANG DINAIKKAN PANGKAT

Oleh: Hjh Norhalizawaty

**Jumaat, 12 Rejab 1436 dengan 1 Mei 2015** telah diadakan sesi muzakarah bersama Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Johan Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji Adanan bin Begawan Pehin SiRaja Khatib Dato Seri Setia Awang Haji Mohd Yusof, Menteri Kesihatan. Sesi muzakarah diadakan di Dewan Al-'Afiah, Kementerian Kesihatan yang dihadiri oleh 25 orang Pegawai Jururawat M11 yang telah dinaikan pangkat kepada Pegawai Jururawat Tingkat Khas M15 dan 71 orang Jururawat Kanan M9 EB10 dan Jururawat M7 EB8 berijazah yang telah dinaikan pangkat kepada Pegawai Jururawat M11/M13-14 EB15. Objektif muzakarah tersebut ialah; untuk bersuai kenal, pada masa yang sama mengemukakan isu-isu klinikal yang berkenaan dengan tugas dan tanggung jawab masing-masing. Pada sesi tersebut, Yang Berhormat Menteri Kesihatan telah memberi kata-kata semangat serta dorongan dan juga memberi nasihat dan seranan bagi mempertingkatkan lagi mutu perkhidmatan ke tahap yang lebih cemerlang.

